

**FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR**

**JABATAN UKUR BANGUNAN**

**PENGEKALAN BANGUNAN LAMA DAN PENINGKATAN**

**KUALITI PERSEKITARAN**

**(CADANGAN : JALAN ISKANDAR, TAIPING)**

**Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur**

**Bangunan.**

**DISEDIAKAN OLEH : NOR AMIN Hj MOHD RADZUAN**

**OKTOBER 1997**

## **ABSTRAK**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi. Segala puji-pujian kepada Allah serta selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad s.a.w dan seluruh keluarga dan sahabat Baginda. Alhamdulillah ..... syukur kepada ALLAH s.w.t kerana telah melapangkan masa dan memberikan kesempatan waktu untuk menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Amran Abdul Rahman, pensyarah di Jabatan Senibina ITM Shah Alam, selaku penyelia disertasi ini diatas segala tunjuk ajar, panduan, nasihat dan juga dorongan yang diberikan semasa menjalankan kajian disertasi ini. Segala teguran, bimbingan dan galakan beliau telah membantu penulis dalam menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah yang akan membalas segala jasa baik yang telah dilakukan selama ini.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kak Long daripada Majlis Perbandaran Taiping serta Prof. Madya Wan Mohd Yusoff daripada Jabatan Perancangan Bandar ITM Shah Alam. Diatas segala kerjasama dan maklum balas yang telah diberikan dalam mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian.

Setinggi penghargaan juga ditujukan kepada individu-individu yang telah banyak memberikan galakan dan dorongan, kepada penulis seperti Azman, Jan, Ramos, Ghani dan Len serta tidak dilupakan juga sekelung penghargaan kepada teman-teman di Seksyen enam Shah Alam, kerana atas kerjasama saudara semua telah membantu penulis untuk menjayakan usaha-usaha penyediaan disertasi ini.

Akhir sekali teristimewa diucapkan jutaan terima kasih kepada Ayahanda Hj. Mohd Radzuhan bin Hj. Mohd Halim, Bonda Hjh. Arba'yah binti Hassan serta adinda yang tersayang Reha, Azizi dan Siti yang senantiasa memberi kata-kata perangsang dan semangat sepanjang tempoh pengajian penulis disini.

Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa baik anda semua. Amin..... Terima kasih.

**ISI KANDUNGAN****MUKA  
SURAT****BAB SATU - PENGENALAN**

1.0	PENGENALAN	1 - 4
2.0	OBJEKTIF	4 - 5
3.0	SKOP KAJIAN	6
4.0	METODOLOGI KAJIAN	6 - 8

**BAB DUA - AKTIVITI-AKTIVITI PENGEKALAN**

2.1.0	DEFINASI	9
2.2.0	CIRI-CIRI BANGUNAN LAMA	9
2.2.1	Ciri-ciri sesuatu bangunan lama berdasarkan pendapat Kohl (1988).	9 - 10
2.2.2	Ciri-ciri sesuatu bangunan lama berdasarkan pendapat Keys (1980)	10
2.2.3	Ciri-ciri sesuatu bangunan lama berdasarkan Draf Struktur Kuala Lumpur (1982)	11
2.3.0	PENGEKALAN BOLEH DIBAHAGIKAN KEPADA DUA BAHAGIAN UTAMA	
	a. Pengekalan keatas sumber semulajadi.	12
	b. Pengekalan keatas pembangunan yang diasaskan oleh manusia.	12
2.4.0	SENARAI AKTIVITI-AKTIVITI PENGEKALAN	
i.	Tinjauan (Survey)	14
ii.	Pengumpulan data (Inventory)	14 - 15
iii.	Pemeriksaan (Inspection)	15
iv.	Kajian (Research)	16
v.	Perancangan (Planning)	17 - 18
vi.	Kewangan (Financing)	19
vii.	Pengambilan (Acquisition)	20 - 21
viii.	Penyelenggaraan (Maintenance)	21 - 22
ix.	Perlindungan dan kestabilan (Protection & Stabilisation)	23
x.	Pembersihan (Cleaning)	24
xi.	Pengekalan (Conservation)	24 - 25
xii.	Pemuliharaan (Preservation)	26
xiii.	Pemulihan (Restoration)	27
xiv.	Pembaikan dan pengubah elokan (Rehabilitation)	28
xv.	Pemodenan (Modernisation)	29 - 30
xvi.	Pembinaan semula (Reconstruction)	30 - 31
xvii.	Menempatkan semula (Relocation)	32

**BAB TIGA - PROSES PENYENARAIAAN BANGUNAN LAMA**

3.1.0	PROSES PENYENARAIAAN BANGUNAN LAMA	33
3.2.0	LANGKAH PERTAMA 3.2.1 Pertimbangan umur bangunan	34 - 35
3.3.0	LANGKAH KEDUA 3.3.1 Pertimbangan sejarah 3.3.2 Pertimbangan arkitektur 3.3.3 Pertimbangan sosio - budaya 3.3.4 Pertimbangan kedudukan latar belakang asal (Setting)	35 - 36 36 36 - 37 37
3.4.0	LANGKAH KETIGA 3.4.1 Gaya-gaya senibina yang terdapat pada rumah-rumah kedai lama a. Utilitarian b. Neo Classical c. Art Deco d. Moden	40 40 - 41 42 43 44
3.5.0	LANGKAH KEEMPAT 3.5.1 Takrifan kelas 3.5.2 Kelas satu 3.5.3 Kelas dua 3.5.4 Kelas tiga	46 46 47 47
3.6.0	KAWALAN PERUNDANGAN TERHADAP PENGEKALAN 3.6.1 Akta-akta yang berkaitan dengan pengekalan dan pemuliharaan 3.6.2 Akta Prancangan Bandar dan Desa 1976 3.6.3 Akta Benda Purba 1976 3.6.4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 3.6.5 Polisi perancangan	48 49 - 50 50 - 51 51 52 - 53
3.7.0	KEARAH PENGHASILAN AKTA PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN DI MALAYSIA	54 - 56

## 1.0 PENGENALAN

Arus pembangunan yang terlalu pesat sebenarnya mengancam kedudukan rumah-rumah kedai lama di dalam ruang bandar. Kadar permintaan yang tinggi ke atas ruang bandar membahayakan kewujudan rumah-rumah kedai lama, kerana dikhawatir mungkin ia akan diambil atau dirobohkan untuk dibina semula dengan ruang-ruang perniagaan yang baru. Aktiviti ini jika berlaku akan memusnahkan unsur-unsur sejarah termasuk skala asal bangunan yang mengadunkan ciri-ciri asal senibina kolonial sebagai membuktikan bahawa kemajuan telah dikecapi pada masa lalu.

Manakala dari aspek ruang bandar pula rumah-rumah kedai lama sedia ada, sebenarnya hanya mampu untuk menampung sejumlah penduduk yang tertentu sahaja. Sebaliknya jika pembangunan-pembangunan moden dibenarkan untuk mengganti rumah-rumah kedai lama kemungkinan akan timbul masalah kesesakan dan persekitarannya juga akan turut berubah.

Pengekalan bangunan lama sebenarnya akan lebih berkesan jika ia diselaraskan melalui peningkatan kualiti ruang perbandaran. Didalam